

Terima kasih atas maklum balas! [Kembali](#)

Kami akan menyemak iklan ini untuk meningkatkan pengalaman anda pada masa hadapan. Bantu kami memaparkan kepada anda iklan yang lebih baik dengan mengemas kini [tetapan iklan](#) anda.

Google



TERKINI

02:34pm Cerita pengumpul permainan

02:31pm Ceroboh Tanduo: Warga tempatan terbabit

02:31pm 'Sinteng' timbul bila perang

02:26pm Cadangan Cuepacs tutup peluang orang muda

02:23pm Hidup baharu 5 sekeluarga

5 PALING HANGAT

1 Ustaz Kazim 'undur diri' dari program TV

Malaysia dicadang usul Asean kaji perubahan iklim

1 Mac 2015



KUALA LUMPUR - Pakar penyelidik Alam Sekitar menyarankan Malaysia membawa usul bagi negara Asean menjalankan kajian perubahan iklim dunia dan kesannya terhadap sosio ekonomi rantau ini pada Sidang Kemuncak Asean Ke-26 April ini.

Ini bagi mewujudkan platform untuk saintis Asean bekerjasama dalam mengkaji perubahan cuaca sedang berlaku di rantau ini termasuk musim kemarau berpanjangan dan taburan hujan luar biasa sejak beberapa tahun lalu.

Pakar Klimatologi dan Oseanografi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Fredolin T. Tangang berkata, keadaan cuaca ekstrem yang berkaitan iklim seperti banjir besar dan kemarau semakin meningkat di rantau ini.

"Malaysia kini menjadi pengerusi Asean, kena pada masanya pakar-pakar di Malaysia menerajui dan bekerjasama dengan saintis di rantau ini untuk menyelidik perubahan iklim di rantau ini," katanya kepada Bernama, baru-baru ini.

Bellau berkata, kajian terperinci akan membolehkan para saintis meramal perubahan cuaca di rantau Asean dan mengambil langkah proaktif untuk memastikan penduduk sentiasa bersedia menghadapi sebarang ancaman bencana alam, termasuk mengurangkan jumlah kematian dan kerugian harta benda.

Fredolin yang juga Naib Pengerusi Kumpulan Kerja I, Panel Antara Kerajaan Berkaitan Perubahan iklim (IPCC) berkata, selain itu kajian itu juga dapat membantu Asean membuat pelbagai perancangan pembangunan dan industri yang dapat mengurangkan kesan negatif terhadap alam sekitar untuk jangka panjang.

Laporan IPCC tentang cuaca ekstrem diterbitkan pada 2012 menunjukkan kekerapan kejadian cuaca ekstrem meningkat di serata pelusuk dunia, dan kekerapan itu akan meningkat sekiranya negara-negara di dunia gagal mengurangkan kadar pembebasan gas-gas rumah hijau ke atmosfera, katanya.

Bellau berkata, masalahnya model-model iklim yang digunakan oleh IPCC berskala besar, dan tidak sesuai diguna di peringkat rantau, nasional dan tempatan.

Bellau tidak menafikan penyelidikan perubahan iklim serantau bukan mudah kerana di rantau Asia Tenggara tidak ada institusi yang berkemampuan dan mempunyai kemudahan peralatan seperti super-komputer yang diperlukan untuk membuat simulasi iklim serantau berdasarkan data perubahan cuaca di negara Asean.

"(Bagaimanapun) Jika negara-negara di rantau ini bekerjasama dalam satu pasukan dalam mensimulasi iklim di rantau ini, ia boleh dilakukan," katanya.

Pensyarah Kanan, Jabatan Geografi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya (UM), Profesor Datuk Dr Azizan Abu Samah turut bersetuju agar Malaysia membincangkan topik perubahan iklim pada Sidang Kemuncak Asean di Kuala Lumpur tahun ini.

Bellau yakin pemimpin negara Asean akan turut ingin berbincang tentang perkara itu kerana mereka juga turut mengalami perubahan iklim yang ekstrem di negara mereka, seperti di Filipina yang mengalami taufan bukan sekali malah dua tiga taufan dalam setahun.

"Di Thailand, banjir buruk yang tidak pernah dialami mereka, di Vietnam tahun lepas mengalami musim kemarau berpanjangan. Ini semua adalah kategori cuaca ekstrem yang disebabkan perubahan iklim," katanya.

Azizan berkata, antara perkara yang boleh diisi dalam perbincangan itu adalah cara menangani impak cuaca ekstrem dan keberubahan iklim.

Perubahan iklim di rantau Asean mempunyai hubungkait yang cukup kuat sehingga boleh mempengaruhi cuaca serantau bertukar menjadi cuaca ekstrem, katanya. - Bernama